

## UNTUK SIARAN SEGERA

---

### **Sime Darby Property Terajui Pemilikan Hartanah di Malaysia dengan Kempen ‘Great Deals’**

- Pemaju hartanah yang berasaskan penyelesaian ini menerajui pemilikan aset kediaman dan komersial meskipun di kala waktu yang mencabar;
- Kempen ‘Great Deals’ menawarkan pemilikan hartanah mudah di samping tawaran dan insentif yang menarik.

**ARA DAMANSARA, 29 OGOS 2023** – Sime Darby Property Berhad (“Sime Darby property” atau “Syarikat”) mendengar kehendak para pembeli untuk memiliki hartanah, dan Syarikat bersedia merealisasikan impian mereka dengan tawaran hebat baharu menerusi kempen ‘Great Deals’.

Mulai hari ini hingga 31 Disember 2023, para pelanggan berpeluang memanfaatkan kadar pembiayaan rendah bermula daripada 3.9% untuk semua produk kediaman dan komersial Pasaran Terbuka, melalui rakan perbankan terpilih.

Di samping pengecualian duti setem dan Memorandum Pemindahan (“MOT”) ke atas Perjanjian Jual Beli (“SPA”) yang diberikan sewaktu Kempen Pemilikan Rumah (“HOC”) yang diperkenalkan oleh Kerajaan, Sime Darby Property juga akan menanggung yuran guaman dan duti setem untuk pinjaman sepanjang tempoh kempen.

Sime Darby Property turut menawarkan pengecualian ansuran sehingga RM2,000 selama dua bulan setiap satu kepada pembeli hartanah terpilih, dan 999.9 jongsong emas bernilai sehingga RM150,000 kepada pelanggan bertuah.

Insentif-insentif ini merangkumi pembelian produk terpilih di beberapa perbandaran terkemuka Sime Darby Property termasuk Bandar Elmina, Bandar Bukit Raja, Putra Heights, Bandar Serenia, Nilai Impian, Bandar Ainsdale, KLGCC Resort, Ara Damansara, Subang Jaya City Centre, KL East, Melawati, dan Bandar Universiti Pagoh.

Ketua Pegawai Pemasaran dan Jualan Sime Darby Property, Datuk Lai Shu Wei berkata kempen ‘Great Deals’ merupakan peluang yang baik untuk para pelanggan membeli hartanah walaupun dalam persekitaran ekonomi yang sukar.

“Kami masih melihat permintaan yang tinggi untuk hartanah di kawasan-kawasan utama dengan perhubungan, akses dan kemudahan yang baik. Walaupun produk kami sesuai untuk pasaran seperti yang dibuktikan oleh kadar pengambilan yang tinggi secara konsisten, kami memperkenalkan kempen ini untuk menangani kebimbangan pembeli dan menyemai rasa yakin, di samping mewujudkan pengalaman tidak rumit dengan proses pemilikan hartanah,” kata Datuk Lai.

Tambahnya: “Di samping membangunkan hartanah, kami juga mewujudkan komuniti mampan yang memperkayakan kehidupan masyarakat. Syarikat memberi peluang kepada orang ramai untuk memiliki hartanah yang berkualiti tinggi pada harga yang sesuai. Kami membantu pelanggan mencapai hasrat mereka untuk memiliki hartanah mereka, bermula dengan di perbandaran kami.”

Sime Darby Property berada di landasan yang betul untuk mentransformasi dari sebuah pemaju hartanah *pure-play* kepada syarikat hartanah menjelang 2025, dengan fokus untuk menjadi pemaju utama, pembina komuniti serta pengurus pelaburan dan aset. Dengan berpandukan matlamat Syarikat sebagai Pengganda Nilai kepada Masyarakat, Perniagaan, Ekonomi dan Planet, dedikasi Sime Darby Property juga melangkaui pembangunan hartanah ketika Syarikat bergerak untuk memupuk komuniti yang bertenaga dan berkekalan yang meningkatkan kehidupan untuk generasi akan datang.

Untuk maklumat lanjut mengenai kempen ‘*Great Deals*’, sila kunjungi galeri jualan Sime Darby Property atau lawati [www.simedarbyproperty.com/greatdeals](http://www.simedarbyproperty.com/greatdeals).

**-TAMAT SIARAN-**

#### **Mengenai Sime Darby Property Berhad**

Sime Darby Property adalah pemaju hartanah terkemuka dengan reputasi cemerlang dalam membangunkan komuniti lestari selama 50 tahun. Syarikat mempunyai 24 perbandaran dan pembangunan yang aktif, serta jangkauan yang luas merangkumi aset dan operasi di seluruh negara. Sime Darby Property juga mempunyai operasi di UK melalui penglibatannya dalam konsortium Malaysia dalam projek pembangunan Battersea Power Station di London.

Sebagai syarikat yang bertanggungjawab, Sime Darby Property, bersama Yayasan Sime Darby (YSD) secara aktif melancarkan pelbagai program untuk membantu pihak berkepentingan yang memerlukan di kawasan perbandarannya di seluruh negara. Sebagai syarikat hartanah yang cemerlang di peringkat antarabangsa dan tempatan, Sime Darby Property diiktiraf sebagai konstituen MSCI ACWI Small Cap Index bertaraf MSCI ESG BBB, dan dinilai oleh Carbon Disclosure Project.

Sime Darby Property berbangga dikenali sebagai pemenang pelbagai anugerah dalam industri hartanah. Pada tahun 2021, Syarikat terus diiktiraf sebagai pemaju hartanah terkemuka untuk kali kesepuluh berturut-turut dalam anugerah ‘The Edge Malaysia’s Top Property Developers Awards’. Sime Darby Property juga telah dinobatkan sebagai ‘EdgeProp Malaysia’s Responsible Developer: Building Sustainable Development Award 2021’, serta pemenang bagi anugerah ‘Building Trust Awards 2021’ PwC di bawah kategori indeks FBM Mid 70.

Untuk maklumat lanjut, sila layari [www.simedarbyproperty.com](http://www.simedarbyproperty.com)

Kontak Media: Adela Megan Willy | +6017-604 5562 | [adela.megan@simedarbyproperty.com](mailto:adela.megan@simedarbyproperty.com)

Untuk pertanyaan lanjut, sila emel: [group.communications@simedarbyproperty.com](mailto:group.communications@simedarbyproperty.com)